



31 Disember 2020
31 December 2020
P.U. (A) 404

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KASTAM (PINDAAN)
(NO. 2) 2020

CUSTOMS (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KASTAM 1967

PERATURAN-PERATURAN KASTAM (PINDAAN) (NO. 2) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 142 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) (No. 2) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

Pindaan peraturan 6

2. Peraturan-Peraturan Kastam 2019 [*P.U. (A) 397/2019*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 6 dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Walau apa pun subperaturan (1), jika suatu barang yang dalam pindah kapal melalui laut ialah rokok, pelabuhan kastam bagi barang itu hendaklah—

(a) di semua dermaga dan Jeti Lembaga Pelabuhan Klang di tebing barat Pulau Indah di antara Sungai Chandong Besar di utara sebelah barat sempadan pelabuhan di garis lintang 02°55’48” U garis bujur 101°20’24.5” T dan Sungai Lurus di selatan sebelah barat sempadan pelabuhan di garis lintang 02°54’05” U garis bujur 101°17’10” T, Pelabuhan Klang;

(b) di semua dermaga dan jeti Lembaga Pelabuhan Klang tebing timur Selat Kelang antara Sungai Tiga dengan Sungai Puloh, Pelabuhan Klang;

(c) di bahagian kiri tebing sepanjang Sungai Pulai di garis lintang 01°22’27.885” U, garis bujur 103°32’37.0024” T hingga

garis lintang 01°21'20.4208" U garis bujur 103°32'56.7317" T,
Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor Bahru;

(d) di dermaga Lembaga Pelabuhan Kuching di Kampung Senari dengan panjang 635 meter dan lebar 45 meter yang terletak di garis lintang 01°37.01'0" U garis bujur 110°26.89'0" T, Pelabuhan Senari, Kuching;

(e) di semua dermaga dan jeti Lembaga Pelabuhan Sabah, Sandakan.”.

Pindaan peraturan 9

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam peraturan 9—

(a) dalam subperaturan (3)—

(i) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (a);

(ii) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (b) dengan perkataan “; dan”; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) tidak boleh digudangkan kecuali dengan kelulusan Ketua Pengarah tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang boleh dikenakan oleh Ketua Pengarah dalam apa-apa gudang kastam, gudang berlesen atau apa-apa tempat yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(3A) Kebenaran dalam perenggan (3)(b) tidak terpakai kepada rokok.”.

Pindaan peraturan 17

4. Subperaturan 17(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Jika apa-apa barang” dengan perkataan “Bagi tujuan perenggan 9(3)(c), jika apa-apa barang”.

Peraturan baharu 21A

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 21 peraturan yang berikut:

“Pengeksportan dan pengeksportan semula rokok dari Malaysia

21A. (1) Tiada rokok boleh dieksport atau dieksport semula melalui laut atau udara dari Malaysia ke tempat lain di luar Malaysia melainkan rokok itu dieksport atau dieksport semula dalam kontena yang mengikut piawaian Pertubuhan Penstandardan Antarabangsa.

(2) Bagi tujuan subperaturan (1), jika rokok diimport dan akan dieksport semula, rokok itu hendaklah dieksport semula melalui jalan yang sama apabila rokok itu diimport.”.

Pindaan peraturan 43

6. Peraturan 43 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “yang ditentukan oleh Ketua Pengarah” perkataan “sekurang-kurangnya sembilan puluh hari sebelum pengimportan”; dan

(b) dalam subperaturan (2) dengan menggantikan perkataan “dua ribu empat ratus ringgit” dengan perkataan “empat ribu lapan ratus ringgit”.

Pindaan peraturan 56

7. Peraturan 56 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan semula peruntukan sedia ada sebagai subperaturan (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) yang dinomborkan semula subperaturan yang berikut:

“(2) Tertakluk kepada subperaturan (1), tuntutan untuk pulang balik di bawah seksyen 93 Akta berkaitan dengan pengeksporan dan pengeksporan semula rokok, rokok itu hendaklah dieksport atau dieksport semula melalui laut atau udara daripada zon bebas.”.

Pindaan Jadual Kedua

8. Jadual Kedua Peraturan-peraturan ibu dipinda, berhubung dengan Bahagian I, berkenaan dengan Pahang, dengan memasukkan selepas butiran Kg. Lalang, Pulau Tioman dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

| Pelabuhan Kastam | Perihal barang | Tempat pendaratan yang sah di sisi undang-undang |
|------------------------------|-----------------------|---|
| “Kampung Tekek, Pulau Tioman | Semua barang-barang | Jeti Jabatan Laut”. |

Dibuat 31 Disember 2020

[MOF.TAX(S)700-1/1/7 JLD.6; PN(PU2)338/LXI]

DATO' SRI TENGKU ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ

Menteri Kewangan

CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by section 142 of the Customs Act 2014 [Act 235], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Customs (Amendment) (No. 2) Regulations 2020**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2021.

Amendment of regulation 6

2. The Customs Regulations 2019 [*P. U. (A) 397/2019*], which is referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 6 by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(3) Notwithstanding subregulation (1), where a goods in the course of transhipment by the sea are cigarettes, the customs ports of the goods shall be—

(a) at all wharves and jetties of The Port Klang Authority on the west bank of Pulau Indah between Sungai Chandong Besar on the northern west port limit at latitude 02° 55' 48" N longitude 101° 20' 24.5" E and Sungai Lurus on the southern west limit at latitude 02° 54' 05" N longitude 101° 17' 10"E, Port Klang;

(b) at all wharves and jetties of the Port Klang Port Authority on the east bank of the Klang Straits between Sungei Tiga and Sungei Puloh, Port Klang;

(c) at the left bank of Sungai Pulai at latitude 01° 22' 27.885" U longitude 103° 32' 37.0024" T to latitude 01° 21' 20.4208" U longitude 103° 32' 56.7317" T, Tanjung Pelepas Port, Johor Bahru;

- (d) at the Kuching Port Authority's wharf at Kampung Senari with a length of 635 metres and width of 45 metres located at latitude 01° 37.01' 0" N longitude 110° 26.89' 0" E, Senari Port, Kuching;
- (e) at all wharves and jetties of the Sabah Port Authority, Sandakan.”.

Amendment of regulation 9

3. Regulation 9 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (3)—

- (i) by deleting the word “and” at the end of paragraph (a);
- (ii) by substituting for the full stop at the end of the paragraph (b) the words “; and”; and
- (iii) by inserting after paragraph (b) the following paragraph:

“(c) shall not be warehoused except with the approval of the Director General, subject to any conditions as the Director General may impose in any customs warehouse, licensed warehouse or any place approved by the Director General.”; and

(b) by inserting after subregulation (3) with the following subregulation:

“(3A) Permission in paragraph (3)(b) shall not apply to cigarettes.”.

Amendment of regulation 17

4. Subregulation 17(1) of the Principal regulations is amended by substituting for the words “Where any goods” the words “For the purpose of paragraph 9(3)(c), where any goods”.

New regulation 21A

5. The principal Regulations is amended by inserting after regulation 21 the following regulation:

“Exportation and re-exportation of cigarette from Malaysia

21A. (1) No cigarette may be exported or re-exported by sea or air from Malaysia to another place outside Malaysia unless that cigarette be exported or re-exported in containers that conforms to the specifications by the International Organisation for Standardization.

(2) For the purposes of subregulation (1), where the cigarette is imported and to be re-exported, that cigarette shall be re-exported by the same route where that cigarette is imported.”.

Amendment of regulation 43

6. Regulation 43 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1), by inserting after the words “as the Director General may determine” the words “at least ninety days before the importation”; and

(b) in subregulation (2), by substituting for the words “two thousand four hundred ringgit” the words “four thousand eight hundred ringgit”.

Amendment of regulation 56

7. Regulation 56 of the principal Regulations is amended—

(a) by renumbering the existing provision as subregulation (1); and

(b) by inserting after the renumbered subregulation (1) the following subregulation:

“(2) Subject to subregulation (1), where the drawback under section 93 of the Act is in relation to exportation and re-exportation of cigarettes, that cigarettes shall be exported or re-exported by sea or air from free zones.”.

Amendment of Second Schedule

8. The Second Schedule to the principal Regulations is amended, in relation to Part I, in respect of Pahang, by inserting after item Kg. Lalang, Pulau Tioman and the particulars relating to it the following item and particulars:

| Customs Port | Description of goods | Legal landing place |
|------------------------------|-----------------------------|----------------------------|
| “Kampung Tekek, Pulau Tioman | All goods | Marine Department Jetty”. |

Made 31 December 2020

[MOF.TAX(S)700-1/1/7 JLD.6; PN(PU2)338/LXI]

DATO' SRI TENGKU ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Minister of Finance